

Didik para belia lebih berdisiplin, berdikari



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad semasa menyampaikan taklimat pada Program Bas Belia.

LUMUT, Selasa, 11 September. - Seramai 35 belia telah menyertai Program Bas Belia anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Daerah di keempat-empat Daerah kali pertama diadakan sebagai program sampingan bersempena Sambutan

Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13 Tahun 2018. Program berkenaan merupakan acara kesinambungan daripada Program Pertukaran Belia Daerah-Daerah yang mula diperkenalkan pada tahun 2016, sebagai salah satu langkah permulaan menuju ke arah percambahan program ke peringkat Borneo dan mengorak pembentukan belia yang Syumul

dan cemerlang. Belia-belie dari keempat daerah dikumpulkan sebagai lambang perpaduan dan integrasi dengan menjelajah ke seluruh negara berlandaskan kepada Enam Bidang Strategi Penting dalam Dasar Belia Negara. Program tersebut juga memberi peluang kepada para peserta mendengarkan taklimat daripada Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad. Semasa program dijalankan Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Awang Muhammad Adi Amirul Mustaqim bin Mohd. Khairul Amin, 18 tahun dan Awang Mohd. Ali Hasan bin Selamat, 17 tahun, berkata program yang disertai mereka amat sesuai untuk disertai oleh seluruh peringkat belia di negara ini.

Antara pengalaman berharga yang mereka perolehi melalui program yang dianjurkan apabila berkesempatan bermalam di Rumah Panjang Mcmdaram Besar. "Bermalam di Rumah Panjang mengajar kami cara untuk berdikari dan menjalani hidup yang berdisiplin terutama dalam mengerjakan sembahyang lima waktu secara rutin dan teratur," jelas mereka. Pengalaman yang benar-benar

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

meninggalkan kesan kepada mereka apabila mereka terpaksa berjumpa dengan kedua ibu bapa serta keluarga. Tambah mereka berdua lagi, segala ilmu yang diperolehi akan dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian, selain berazam untuk berubah menjadi belia yang lebih optimis, berdisiplin dan berwawasan.

Program juga bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan perkembangan diri, kepimpinan, daya usaha, persefahaman bagi menanam semangat dan berkhidmat kepada masyarakat. Selain mengenali dengan lebih dekat lagi identiti, budaya dan masyarakat di daerah-daerah di negara ini.



ANTARA peserta Program Bas Belia yang hadir pada acara tersebut.

Serlah bakat menulis Khat Jawi dan berpidato

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang Peraduan Menulis Khat Jawi dan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 oleh

Ke-8 universiti berkenaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC), di sini. Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Adam bin Haji Jait. Peraduan menulis khat jawi

Kategori 'A' bagi mahasiswa institut pengajian tinggi dan pelajar pusat tingkatan enam dimenangi oleh Awang Bolhannuddin bin Haji Abdul Wahab; Kategori 'B' bagi orang ramai yang berumur 15 tahun ke bawah dimenangi oleh Awang Abdul Fattah Azizi bin Kamarudjaman dan Kategori 'C' bagi orang ramai yang berumur 16 tahun ke atas, Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Alli Omar.

Sementara bagi Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris pula dimenangi oleh Awang Muhammad Harith Faiz bin Haji Kalong. Peraduan Menulis Khat Jawi bagi Kategori 'B' dan 'C' telah pun diadakan selama dua hari bermula pada 9 dan 10 September yang lalu.

Manakala Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris diadakan pada pagi 11 September di Dewan Persidangan Utama, ICC. Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada 37 vendors bazar sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 oleh tetamu kehormat.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : **pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.



Tajuk-tajuk akan datang :
 1) 'Belia' - Tarikh Tutup : 15 September 2018.
 2) 'Tasik' - Tarikh Tutup : 29 September 2018
 3) 'Matahari terbenam (Sunset)' - Tarikh Tutup : 13 Oktober 2018
 Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



PENGARAH Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Adam bin Haji Jait menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Menulis Khat Jawi dan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA (atas dan bawah).

